



## SYARAT DAN PERATURAN FESTIVAL NASYID NEGERI SARAWAK 1431H/ 2010M

### 1. PENDAHULUAN

Syarat dan Peraturan Festival Nasyid Peringkat Negeri Sarawak diwujudkan sebagai garis panduan dalam membuat pemilihan peserta, menjalankan Festival Nasyid dan menentukan pemenang melalui proses pengadilan yang tersusun dan saksama.

### 2. JAWATANKUASA PENGELOLA

Festival Nasyid Peringkat Negeri Sarawak dikelolakan oleh sebuah Jawatankuasa Pengelola yang dilantik oleh Jawatankuasa Majlis Tilawah al-Quran dan Festival Nasyid Peringkat Negeri Sarawak.

### 3. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN PERTANDINGAN

- 3.1 Setiap kumpulan hendaklah terdiri daripada **enam (6) orang** . Ahli-ahli kumpulan hendaklah **tidak bercampur** di antara lelaki dan perempuan dan diiringi oleh **dua (2) orang Pegawai** sahaja. **(pindaan 2010)**
- 3.2 Peserta Pasukan Nasyid hendaklah Warganegara Malaysia dari berbagai kaum berumur tidak kurang daripada **18 tahun** dan tidak melebihi **35 tahun** pada tarikh **17 April 2010 (Tarikh Festival Nasyid Peringkat Negeri Sarawak dan Festival Nasyid Kebangsaan Oktober/ November 2010 dijalankan)**. **(pindaan 2010)**
- 3.3 Penyertaan ke Festival Nasyid Negeri Sarawak Tahun 1431H/ 2010M adalah **TERBUKA** kepada mana-mana kumpulan nasyid yang layak dengan dengan menyerahkan rakaman penuh lagu-lagu nasyid dalam bentuk cakera padat kepada Urus Setia Festival Nasyid Negeri Sarawak, Pejabat Majlis Islam Sarawak **pada atau sebelum Jumaat, 19 Mac 2010M/ 03 Rabiulakhir 1431H jam 4:00 petang**. **(pindaan 2010)**
- 3.4 Penyertaan Festival Nasyid Peringkat Negeri Sarawak adalah lima (5) buah kumpulan terbaik dari Kategori Moden dan lima (5) kumpulan terbaik dari Kategori Tradisi yang dipilih oleh Panel Hakim Khas yang dilantik oleh Majlis Islam Sarawak. **(pindaan 2008)**
- 3.5 Pemilihan akan ditentukan oleh Jemaah Hakim Khas melalui rakaman penuh dalam bentuk cakera padat. **(pindaan 2008)**
- 3.6 Sekiranya tidak ada kumpulan mewakili tuan rumah pada tahun penganjuran maka dibenarkan menghantar samada Johan Tradisi atau Moden yang akan dipilih oleh Jemaah Hakim Khas untuk mewakili Bahagian tersebut ke Peringkat Negeri. **(pindaan 2004)**
- 3.7 Johan Festival Nasyid Peringkat Negeri dalam kategori masing-masing secara automatik akan mewakili Negeri Sarawak ke Festival Nasyid Peringkat Kebangsaan.

- 3.8 Mana-mana kumpulan yang telah **dua (2) kali** berturut-turut menjadi **Johan** dalam mana-mana kategori di Festival Nasyid Peringkat Negeri dikehendaki berehat selama **dua (2) tahun** sebelum boleh menyertai pertandingan ini semula.
- 3.9 Sesuatu kumpulan itu dianggap kumpulan yang baru atau kumpulan yang lain sekiranya **empat (4) orang** atau lebih ahli kumpulannya merupakan ahli baru dan bukan ahli-ahli dari satu kumpulan nasyid yang sama sebelumnya.
- 3.10 Sesuatu kumpulan dianggap tidak layak menyertai pertandingan ini sekiranya mana-mana ahli kumpulannya terdiri daripada penyanyi profesional. (**Penyanyi profesional ialah mereka yang telah membuat album sama ada dalam bentuk piring hitam, kaset, atau cakera padat baik secara solo mahupun berkumpulan**).
- 3.11 Pencipta Lagu dan Penulis Lirik hendaklah Warganegara Malaysia.

#### 4. LAGU

- 4.1 Setiap Kumpulan Nasyid hendaklah mempersembahkan **satu (1) buah lagu** sama ada lagu Nasyid Tradisi atau lagu Nasyid Moden dan hendaklah disampaikan dalam masa tidak lebih dari **4 minit sahaja. Nasyid Tradisi** bermaksud lagu yang mengandungi unsur-unsur antaranya bayati, nahwan, sikah, ras, sobah, hijaz. Manakala lagu **Nasyid Moden** ialah lagu selain daripada lagu tradisi tetapi hendaklah tidak termasuk rentak seperti rock, heavy metal, jazz dan rap. (*pindaan 2008*)
- 4.2 Senikata lagu hendaklah dalam bahasa Melayu, Arab atau Inggeris atau gabungan bahasa-bahasa tersebut. Bagi senikata di dalam Bahasa Arab dan Inggeris hendaklah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu.
- 4.3 Urus Setia Bahagian akan mengatur penyertaan Johan-johan dan Naib-naib Johan Peringkat Bahagian untuk penyertaan di Peringkat Negeri dengan menyertakan lagu yang dirakam ke dalam CD disertakan juga dengan senikata serta terjemahan senikata jika berkaitan seperti di **perenggan 4.2** di atas. (*pindaan 2005*)
- 4.4 Untuk Peringkat Negeri, senikata dan lagu hendaklah ciptaan yang asal bebas dari saduran/ ciplak/ palagiat dan belum pernah dirakam, dicetak atau disiarkan untuk sebarang siaran.
- 4.5 Kumpulan terbaik yang dipilih ke Festival Nasyid Peringkat Negeri akan mempersembahkan lagu yang sama seperti yang dikemukakan kepada pihak penganjur.
- 4.6 Lirik lagu hendaklah berunsur nilai-nilai murni Islam yang bersesuaian yang bertujuan untuk memupuk semangat dakwah Islamiah, kehidupan sejahtera, membentaras masalah-masalah sosial seperti dadah, meningkatkan nilai-nilai kemanusiaan sejagat dan seumpamanya. (*pindaan 2008*)
- 4.7 Nama lagu dan lirik tidak boleh menggunakan nama tema.
- 4.8 Jawatankuasa pada Peringkat Negeri boleh mengarah Ketua Kumpulan untuk menukar senikata lagu yang tidak sesuai.

5. **MUZIK**

Pertandingan Peringkat Akhir Festival Nasyid Peringkat Negeri akan menggunakan kaedah '**Minus-One**' yang disediakan oleh setiap kumpulan.

6. **PENGHAKIMAN**

6.1 Penghakiman Festival Nasyid Peringkat Negeri akan dihakimi oleh Jemaah Hakim yang dilantik oleh Jawatankuasa Teknikal Majlis Tilawah Al-Quran dan Festival Nasyid Negeri Sarawak.

6.2 Keputusan jemaah hakim adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan dilayan.

6.3 Penghakiman Festival Nasyid Negeri Sarawak Tahun 1431H/ 2010M berdasarkan pada aspek-aspek berikut:

- i. Mutu Suara - 20 markah
- ii. Lagu/ Ciptaan - 25 markah
- iii. Lirik (Mesej) - 20 markah
- iv. Persembahan - 20 markah
- v. Gubahan - 15 markah

6.4 Penghakiman bagi pemilihan kumpulan yang layak ke Festival Nasyid Negeri Sarawak berdasarkan aspek-aspek berikut: (*pindaan 2008*)

- i. Mutu Suara - 25 markah
- ii. Lagu/ Ciptaan - 35 markah
- iii. Lirik (Mesej) - 25 markah
- iv. Gubahan - 15 markah

6.5 Seseorang yang terlibat sebagai penulis atau pencipta atau penggubah atau jurulatih atau ketua bagi mana-mana pasukan yang menyertai pertandingan adalah tidak layak menjadi panel hakim untuk pertandingan ini. Sekiranya berlaku keingkaran, Jawatankuasa Penganjur berhak **membatalkan** penyertaan kumpulan mereka.

6.6 Semua lagu yang dipertandingkan menjadi hak milik Penganjur (Kerajaan Negeri) dan mesti bebas dari sebarang tuntutan dari mana-mana pihak atau individu mengenai kepunyaan hak cipta.

6.7 Rakaman video atau audio ke atas senarai lagu dan lirik adalah menjadi kepunyaan dan hak penganjur, seperti di siaran televisyen atau radio tanpa sebarang tuntutan untuk bayaran.

6.8 Pakaian peserta hendaklah bersopan sesuai dengan nilai-nilai Islam.

**7. LAIN-LAIN KETERANGAN**

- 7.1 Sebarang kemalangan/ kecederaan atau kerugian semasa pertandingan ini adalah tanggungjawab sendiri dan tidak dibenarkan membuat tuntutan kepada pihak penganjur.
- 7.2 Tarikh tutup penyertaan ialah pada **Jumaat, 19 Mac 2010M/ 03 Rabiulakhir 1431H jam 4:00 petang.**
- 7.3 Kumpulan yang berjaya ke Festival Nasyid Peringkat Negeri akan dimaklumkan melalui telefon dan secara bertulis mengikut alamat yang tercatat dalam Borang Penyertaan.
- 7.4 Semua Syarat dan Peraturan Festival Nasyid wajib dipatuhi.
- 7.5 Selain daripada peraturan di atas, Festival Nasyid ini juga tertakluk kepada peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian Penerangan Malaysia dan Syarat-syarat & Peraturan Festival Nasyid Peringkat Kebangsaan anjuran JAKIM, mana-mana yang dianggap sesuai.
- 7.6 Kumpulan yang berminat diminta mengisi borang yang disertakan dan menghantar penyertaan kepada:

**Urus Setia Festival Nasyid Negeri Sarawak  
Pejabat Majlis Islam Sarawak  
Aras Enam, Anjung Kiri, Bangunan Mahkamah Syariah  
Jalan Satok  
93400 KUCHING.**

**Tel: 082 429811/ 241277/ 234350/ 237598**

**Emel: [nibz@sarawaknet.gov.my](mailto:nibz@sarawaknet.gov.my) atau [mis50@sarawaknet.gov.my](mailto:mis50@sarawaknet.gov.my)**

**Laman Web: [www.jais.sarawak.gov.my](http://www.jais.sarawak.gov.my)**

**8 PINDAAN KEPADA PERATURAN**

- 7.1 Syarat-syarat dan peraturan ini adalah tertakluk kepada pindaan yang akan dibuat dari semasa ke semasa berdasarkan kepada keperluan demi mempertingkatkan mutu penganjuran dan memberikan kesaksamaan kepada semua pihak yang terlibat.
- 7.2 Pindaan kali terakhir dibuat pada : **Isnin, 04 Januari 2010M / 18 Muharam 1431H**

MODEN	
TRADSI	

Sila tandakan ✓ diruang berkenaan sahaja



**BORANG PENYERTAAN FESTIVAL NASYID NEGERI SARAWAK**  
**TAHUN 1431H/ 2010M**

*Borang ini hendaklah ditaip/ ditulis dengan jelas semasa diisi.*

<b>A. MAKLUMAT KUMPULAN</b>			
NAMA KUMPULAN	:		
ALAMAT LENGKAP	:		
NAMA PEGAWAI PENGIRING	:	1.	
	:	2.	
NO. TEL.BIMBIT/ PEJ/ (R)	:	1.	
	:	2.	
			NO. FAKS:
<b>B. MAKLUMAT LAGU</b>			
TAJUK LAGU	:		
PENCIPTA LAGU	:		
KATEGORI	:		
JUMLAH MASA ( <i>minit : saat</i> )	:		
PENULIS LIRIK	:		
TAHUN CIPTAAN	:		

**C. PENYERTAAN DALAM FESTIVAL**

Adakah pernah menyertai pertandingan sebelum ini **YA/ TIDAK** \* Jika 'ya' sila nyatakan keterangan berikut:

Berapa kali menyertai pertandingan sebelum ini? \_\_\_\_\_ Kali

Pernahkah terpilih ke Peringkat Akhir? **Pernah/ Tidak Pernah.** \* Jika pernah, sila nyatakan tahun dan pencapaian yang diperolehi;

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_

\* **sila potong yang mana tidak berkenaan.**

**D. MAKLUMAT AHLI KUMPULAN**

<u>BIL.</u>	<u>NAMA AHLI</u>	<u>NO. K/P</u>	<u>TARIKH LAHIR</u>	<u>UMUR</u>
1				
2				
3				
4				
5				
6				

**E. MAKLUMAT PEGAWAI PENGIRING**

<u>BIL.</u>	<u>NAMA</u>	<u>NO. K/P</u>	<u>NO. TEL/ HP</u>
1.			
2.			

*\* sila sertakan salinan fotostat Kad Pengenalan mengikut susunan pengisian maklumat ahli kumpulan dan gambar kumpulan untuk simpanan dan semakan pihak Urus Setia*

**F. PENGESAHAN**

Saya mengaku bahawa segala keterangan yang diberikan adalah benar dan lagu penyertaan ini adalah ciptaan asal yang bebas dari sebarang tuntutan oleh mana- mana pihak. Saya juga bersetuju lagu yang dipertandingkan, rakaman audio-video dan sebarang bentuk persembahan adalah menjadi hak milik penganjur.

.....  
Tandatangan Ketua Kumpulan

No. KP:

Tarikh :

=====

**G. UNTUK KEGUNAAN URUS SETIA**

Tarikh terima: \_\_\_\_\_ No. Penyertaan: \_\_\_\_\_

Permohonan *diterima/ ditolak* . Jika ditolak sila nyatakan sebab.

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_